

VOL 4 | ISU 3
JULAI - SEPTEMBER 2025



Akademi Profesor
MALAYSIA

BULETIN

AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

Sidang Redaksi

Penasihat

Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman

Ketua Editor

Profesor Dr. Mohd Cairul Iqbal Mohd Amin

Editor & Reka Bentuk Grafik

Puan Nur Farhah Nabihan Ismail

Pegawai Komunikasi

Puan Nai'mah Isa



+601128005741



akademiprofesor.org.my



akademiprofesor@gmail.com

BULETIN RASMI
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

Isi Kandungan

Kata Alu-Aluan Presiden	3
Jaringan Kunjungan Hormat kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), USIM	4
Jaringan Kunjungan Hormat kepada Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM)	5
Jaringan Pelantikan YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang sebagai Fellow Kehormat Akademi Profesor Malaysia	6
Jaringan Kunjungan Hormat kepada Ketua Pengarah Agensi Angkasa Malaysia (MYSA)	7
Jaringan Kunjungan Hormat kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)	8
Program Majlis Peluncuran Program STI 100 ³ MOSTI : Catat Dua Rekod Kebangsaan dalam Malaysia Book of Records	9
Program Siri Pengukuhan Tenaga Akademik (Siri 2)	11
Program Program STEM-Q: Ilmu & Hikmah	15
Mesyuarat Mesyuarat Majlis	16
Mesyuarat Mesyuarat Pengurusan	17
Mesyuarat Mesyuarat Kluster dan Jawatankuasa 2025	18
Program Wacana Masa Depan Bakat STI di Malaysia	19
Penyertaan Agenda AWANI: Menjelang RMK13: Apa Perlu Dirombak?	20
Penyertaan Open Forum – Beyond GDP: Rethinking Economy & Wellbeing with GPI	21
Penyertaan Dialog Poket Rakyat: RMK13: Mendeptani Cabaran Kos Sara Hidup dan Kehidupan Bermaruah	22
Penyertaan SPM Nadi Seri Pagi: Gempa Bumi : Antara Proses atau Bencana Alam	23
Penerbitan (Kenyataan Media)	24
Penerbitan (Media Massa)	25
Ucapan Tahniah	26
Poster Aktiviti & Program APM	28
Keahlian: Status 30 September 2025	29
Takrifan & Akronim	30
Sertai Kami	31

Nota Ketua Editor



**Profesor Dr.
Mohd Cairul Iqbal Mohd Amin**
SETIAUSAHA AGUNG AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Assalamualaikum wbkth
dan Salam Sejahtera.**

Alhamdulillah,

Syukur ke atas limpahan rahmat Ilahi dengan izin-Nya APM berhasil menerbitkan Buletin APM Vol 4 Isu 2, yang merangkumi pelbagai aktiviti APM dari bulan April hingga Jun 2025 (suku kedua tahun 2025) dengan sempurna mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Majlis APM sesi 2023/2025 terus komited meneruskan kecemerlangan yang telah dirintis sebelum ini. APM kini giat melaksanakan pelbagai inisiatif berimpak positif melalui kerjasama dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), iaitu penglibatan dalam penganjuran Konvensyen Akademia (KA). Selain itu, Program Siri Pengukuhan Tenaga Akademik telah memasuki siri kedua. Dalam program ini, APM memanfaatkan kepakaran para ahli untuk berkongsi pengetahuan, pengalaman serta amalan terbaik bagi memperkukuh keupayaan tenaga akademik serta mempertingkatkan kecemerlangan pendidikan tinggi negara.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Nur Farhah Nabihan Ismail, atas usaha serta dedikasinya selaku Editor dan Reka Bentuk Grafik untuk Buletin ini. Peranan beliau sebagai Pegawai Tadbir telah memberikan sumbangan yang amat berharga dalam memastikan ahli-ahli APM sentiasa mendapat makluman tentang perkembangan terkini organisasi ini.

Sekian,
Salam Hormat.



Kata Alu-Aluan Presiden

Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.*

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi, Buletin APM Vol 4 Isu 3 telah berhasil diterbitkan. Setinggi penghargaan diucapkan kepada Sidang Redaksi Buletin APM atas kesungguhan mereka dalam memastikan kelangsungan penerbitan Buletin ini.

Secara keseluruhan, Buletin dalam setiap isu telah berjaya mengumpul dan memaparkan aktiviti-aktiviti utama dan perkembangan APM secara objektif.

Pada tahun 2025 ini, APM akan terus komited dalam usaha advokasi melalui pelbagai program seperti Syarahan Fellow, Wacana APM, dan Sidang Meja Bulat (RTD), yang membincangkan isu-isu dasar secara mendalam.

Pengurusan APM juga komited untuk memastikan kelestarian fiskal dan kecukupan pendanaan untuk menjayakan pelbagai aktiviti yang dirancang.

Saya mengambil kesempatan ini menyeru segenap ahli APM serta para pemegang taruh turut membantu bagi memastikan keberhasilan aspek ini.

Kita harus sentiasa mengingatkan diri bahawa APM sebagai wadah komuniti akademik perlu kekal relevan, tidak kira apa jua perubahan dalam landskap politik negara. Hubungan antara akademik dan pemegang taruh perlu terus dijaga dan diperkukuh.

Apa yang penting adalah kita harus memiliki misi dan fungsi yang jelas serta keinginan yang kuat untuk mencapai apa yang telah kita tetapkan. Semoga APM terus menyerlah dan melonjak demi kepentingan masyarakat dan negara.

Sekian
Salam Hormat.

Jaringan

Kunjungan Hormat kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

30 Julai 2025 | 3:00 petang | USIM, Nilai



Pengurusan tertinggi APM telah mengadakan kunjungan hormat kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh bagi membincangkan potensi kerjasama strategik antara kedua-dua pihak.



Pertemuan ini turut membuka ruang kepada perbincangan mengenai bentuk kerjasama dan penglibatan APM dalam penganjuran Konvensyen Akademia (KA). Program ini sebelum ini telah dianjurkan oleh APM bertempat di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), dan pada kali ini KPT telah melantik Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sebagai penganjur utama bagi program berprestij tersebut.

Jaringan

Kunjungan Hormat kepada Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM)

07 Ogos 2025 | 4:00 petang | IIUM, Gombak



Ahli Majlis APM telah mengadakan kunjungan hormat kepada Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM), YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar, yang juga merupakan Felow Kehormat APM.



Kunjungan ini antara lain bertujuan untuk membawa saranan penganugerahan gelaran Profesor Ulung kepada YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar atas sumbangan besar beliau dalam bidang pemikiran Islam dan pendidikan tinggi negara. Selain itu, pertemuan ini turut membuka ruang kepada perbincangan mengenai potensi kerjasama antara APM dan IIUM dalam pelaksanaan inisiatif bersama yang dapat memperkukuh ekosistem keilmuan Islam serta memperluas jaringan kepakaran di peringkat nasional dan antarabangsa.

Jaringan

Pelantikan YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang sebagai Fellow Kehormat Akademi Profesor Malaysia

20 Ogos 2025 | 5:00 pagi | Bangi



Akademi Profesor Malaysia (APM) dengan penuh penghormatan telah melantik YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang sebagai Fellow Kehormat Akademi Profesor Malaysia atas jasa dan sumbangan beliau yang luar biasa dalam bidang akademik, kejuruteraan alam sekitar dan kepimpinan institusi pendidikan tinggi.

YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang, anak kelahiran Negeri Sembilan (lahir pada 3 Mac 1965), merupakan seorang jurutera profesional alam sekitar, pemimpin akademik dan pemikir strategik yang disegani. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia dan Sarjana Kejuruteraan Alam Sekitar dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), serta Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam Kejuruteraan Alam Sekitar dari University of Newcastle, United Kingdom.

APM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang atas kesudian menerima pelantikan ini. InshaAllah, APM akan terus bekerjasama dengan YBhg. Dato' Seri dalam memanfaatkan kepakaran, kesarjanaan dan pengalaman beliau demi kemajuan masyarakat dan pembangunan negara.

Jaringan

Kunjungan Hormat kepada Ketua Pengarah Agensi Angkasa Malaysia (MYSA)

21 Ogos 2025 | 11:00 pagi | MYSA, Kuala Lumpur



APM yang diketuai oleh Profesor Dr. Nordin Yahaya, Pengerusi Kluster Sains, Teknologi dan Inovasi (STI), telah mengadakan kunjungan hormat ke Agensi Angkasa Malaysia (MYSA). Delegasi tersebut telah disambut mesra oleh YBhg. Dato' Gs. Haji Azlikamil Napiah, Ketua Pengarah MYSA.


Pertemuan ini menekankan pencapaian besar MYSA termasuk penggubalan Dasar Angkasa Negara 2030 serta penguatkuasaan Akta Angkasa Malaysia 2022, yang menyediakan rangka kerja peraturan menyeluruh bagi membangunkan industri angkasa negara. Ia turut membuka peluang kerjasama baharu antara APM dan MYSA. Dalam jangka masa terdekat, fokus kerjasama adalah kepada Teras Strategik 1: Penubuhan Kluster Teknologi Angkasa, dan Teras Strategik 3: Perancangan R&D serta pangkalan data, di samping usaha menerbitkan Jurnal Angkasa bagi memperkukuh pemindahan ilmu, advokasi, dan kesedaran masyarakat.

Dalam jangka panjang, APM komited bekerjasama rapat dengan MYSA bagi merealisasikan aspirasi negara dalam sektor angkasa, selaras dengan prinsip Malaysia MADANI yang menekankan pembangunan infrastruktur kritikal, teknologi penderiaan jauh, komunikasi dan navigasi untuk pertumbuhan ekonomi, keselamatan serta kesejahteraan rakyat.

Jaringan

Kunjungan Hormat kepada Ketua Pegawai Eksekutif National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM)

3 September 2025 | 3:00 petang | NIBM, Selangor



Profesor Dr. Nordin Yahaya selaku Pengerusi Kluster Sains, Teknologi dan Inovasi (STI), telah mengadakan kunjungan hormat kepada Ketua Pegawai Eksekutif National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM), Profesor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim pada 3 September 2025 bertempat di ibu pejabat NIBM, Serdang, Selangor.

Pertemuan ini menjadi platform penting untuk meneroka potensi kerjasama strategik antara Kluster STI APM dan NIBM dalam memperkukuh ekosistem penyelidikan, inovasi serta pemindahan teknologi negara. Kedua-dua pihak turut meneliti peluang sinergi dalam bidang bioteknologi dan sains gunaan yang mampu melahirkan inisiatif berimpak tinggi, sejajar dengan aspirasi nasional untuk memperkasa agenda sains, teknologi dan inovasi ke arah kemampanan dan daya saing global.

Jaringan

Kunjungan Hormat kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

24 September 2025 | Kementerian Pendidikan Tinggi



Delegasi APM diketuai oleh Timbalan Presiden, YBhg. Profesor Dato' Seri Ir. Dr. Kamal Nasharuddin Mustapha, bersama Setiausaha Agung, YBhg. Profesor Dr. Cairul Iqbal Mohd Amin telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), YBhg. Datuk Dr. Anesee Ibrahim, bertempat di Putrajaya.

Kunjungan ini diadakan bagi memperkenalkan APM sebagai sebuah institusi yang menghimpunkan kepakaran profesor negara melalui wadah pemikir yang berperanan menyumbang idea strategik untuk pembangunan masyarakat dan negara. Dalam pertemuan tersebut, APM turut menzahirkan hasrat untuk memperkukuh hubungan kerjasama dengan KPT dalam aspek pendidikan tinggi, penyelidikan serta dasar ilmu pengetahuan nasional.

Antara perkara utama yang dibincangkan termasuk cadangan penganugerahan gelaran Profesor Ulung, sebagai bentuk pengiktirafan tertinggi kepada tokoh akademik yang telah memberikan sumbangan besar kepada pembangunan ilmu dan negara. Pertemuan ini juga membuka ruang kepada pelbagai peluang kolaborasi antara APM dan KPT dalam memperkasa agenda pendidikan tinggi dan inovasi di Malaysia.

Program

Majlis Peluncuran Program STI 100³ MOSTI

07 Julai 2025 | Sekolah Menengah Kebangsaan Tiara Permai



Majlis Peluncuran Program STI 100³ bertemakan “Saintis@Sekolah: Jom STI!” telah berlangsung dengan jayanya di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tiara Permai, Kuala Lumpur. Program ini merupakan inisiatif Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memperkukuh minat serta kesedaran pelajar terhadap bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) melalui penglibatan langsung bersama para saintis. Majlis penuh bermakna ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, dan turut dihadiri oleh YB Tuan Wong Kah Woh, Timbalan Menteri Pendidikan.



(Kiri) YB Tuan Chang Lih Kang menyampaikan sijil kepada saintis APM, YBhg. Profesor Dato' Dr. Mohd Jamil Maah

APM telah dilantik sebagai Agensi Penggerak yang bertanggungjawab mencalonkan saintis bagi melaksanakan program pembudayaan STI berdasarkan kepakaran masing-masing. Pelaksanaan program ini boleh melibatkan pelbagai skop peranan yang sesuai seperti pembimbing, pakar rujuk, penasihat, motivator, moderator, fasilitator, atau role model. Setiap sesi program akan dijalankan selama dua hingga tiga jam.

Agensi Penggerak akan menerima peruntukan dana daripada Agensi Penyelaras, yang kemudiannya akan disalurkan kepada saintis yang dilantik bagi melaksanakan aktiviti pembudayaan STI tersebut. Saintis yang dicalonkan oleh APM bagi pelaksanaan program di sekolah ini ialah YBhg. Profesor Dato' Dr. Mohd Jamil Maah.

Program

Majlis Peluncuran Program STI 100³ MOSTI : Catat Dua Rekod Kebangsaan dalam Malaysia Book of Records

07 Julai 2025 | Sekolah Menengah Kebangsaan Tiara Permai



Dalam majlis yang sama, YBhg. Profesor Dato' Dr. Mohd Jamil Maah, saintis di bawah Akademi Profesor Malaysia (APM), telah dijemput menyampaikan ceramah bertajuk "Halatuju Selepas SPM" kepada seramai 100 orang pelajar terpilih daripada SMK Tiara Permai. Ceramah ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai peluang dan hala tuju pendidikan selepas peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), di samping memupuk semangat ingin tahu serta minat terhadap bidang sains dan teknologi. APM merakamkan penghargaan kepada MOSTI atas kepercayaan yang diberikan kepada Profesor Dato' Dr. Mohd Jamil Maah untuk turut serta sebagai saintis jemputan dalam program berprestij ini. Sepanjang pelaksanaan Program STI 100³ yang berlangsung sejak tahun 2024 hingga kini, seramai 12 orang saintis di bawah naungan APM telah terlibat dalam menjayakan inisiatif ini.

Pelaksanaan Program STI 100³ pada tahun ini turut melakar sejarah tersendiri apabila berjaya melibatkan seramai 8,804 saintis dan 8,804 buah sekolah di seluruh negara yang menjalankan aktiviti bersama saintis secara serentak di premis sekolah masing-masing. Kejayaan luar biasa ini telah melayakkan MOSTI menerima dua pengiktirafan daripada Malaysia Book of Records (MBOR) bagi kategori ***Largest Scientist Participation in a Simultaneous 'STEM' Programme*** dan ***Largest School Participation in a Simultaneous 'STEM' Programme: Scientists @ Schools: Jom STI!***

Program

SIRI PENGUKUHAN TENAGA AKADEMIK (SIRI 2)

SESI 1 - UNDERSTANDING ACT 555 & THE UNIVERSITIES ACT | 24 Julai 2025

The poster is for a program titled "UNDERSTANDING ACT 555 AND THE UNIVERSITIES ACT" held on 24 JULY from 10 AM to 12 PM. The speaker is Professor Dato' Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar, Vice-Chancellor of Al-Bukhari International University & Former Deputy Director General of Higher Education. The poster is divided into three main sections: Key Goals, Learning Outcomes, and Who Should Attend. The Key Goals section lists four points: building deep understanding of AUKU (Act 30), Act 555, and Act 679; highlighting the strategic importance of legal compliance; equipping decision-makers with tools for legislative frameworks; and addressing real challenges in institutional operations. The Learning Outcomes section lists five points: identifying key provisions and legal responsibilities; differentiating the application of Acts between public and private institutions; evaluating the strategic impact of aligning institutional roadmaps with national policies; applying compliance-based strategies in curriculum development, student governance, risk management, and accreditation; and developing action plans to improve governance, quality assurance, and stakeholder engagement. The Who Should Attend section lists various roles including Top Management, Academic Governance, Regulatory and QA Units, Administrative Leadership, Private Education Operators, Internal Auditors and Risk Officers, and Curriculum Developers and Academic Coordinators. A QR code and contact information are also provided.

24 JULY
10 AM - 12 PM

UNDERSTANDING ACT 555 AND THE UNIVERSITIES ACT

KEY GOALS

- Build deep understanding of AUKU (Act 30), Act 555, and Act 679 as key pillars of Malaysia's higher education system.
- Highlight the strategic importance of legal compliance in governance, quality assurance, and institutional development.
- Equip decision-makers with tools to embed legislative frameworks into their strategic planning and risk management.
- Address real challenges in institutional operations and present best practices in navigating regulatory requirements.

LEARNING OUTCOMES

- Identify key provisions and legal responsibilities.
- Differentiate the application of these Acts between public and private institutions.
- Evaluate the strategic impact of aligning institutional roadmaps with national policies.
- Apply compliance-based strategies in curriculum development, student governance, risk management, and accreditation.
- Develop action plans to improve governance, quality assurance, and stakeholder engagement based on the Acts.

WHO SHOULD ATTEND

- Top Management: Vice-Chancellors, Presidents, Chief Executive Officers, Rectors
- Academic Governance: Deans, Deputy Deans, Senate Members
- Regulatory and QA Units: Directors/Managers of Quality Assurance, Academic Affairs, and Legal Units
- Administrative Leadership: Heads of Departments (HR, Registry, Finance, Student Affairs)
- Private Education Operators: Board Members and Trustees of IPTs
- Internal Auditors and Risk Officers
- Curriculum Developers and Academic Coordinators

REGISTER NOW

For enquiry:
019-9711 751 / 019-3800 3741
akademi.profesor@gmail.com

Sesi "Understanding Act 555 and the Universities Act" yang disampaikan oleh **Profesor Dato' Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar**, Naib Canselor, Albukhary International University yang juga bekas Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi bertujuan memperkukuh kefahaman peserta terhadap tiga akta utama sistem pendidikan tinggi Malaysia, iaitu Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU, Akta 30), Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib dan Pentadbiran) 1971 (Akta 555), dan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 679).

Sesi ini menekankan kepentingan pematuhan undang-undang dalam tadbir urus, pengurusan institusi, jaminan kualiti dan pembangunan strategik universiti. Selain itu, perbincangan turut memberi tumpuan kepada perbezaan aplikasi undang-undang antara institusi awam dan swasta, kaedah mengintegrasikan kerangka perundangan ke dalam pengurusan strategik, serta amalan terbaik dalam menavigasi keperluan kawal selia.

Melalui perkongsian ini, peserta dapat menilai kesan penyelarasan dasar institusi dengan dasar nasional serta memperkukuh tadbir urus, jaminan kualiti, pengurusan pelajar dan penglibatan pihak berkepentingan berasaskan akta yang relevan.

Program

SIRI PENGUKUHAN TENAGA AKADEMIK (SIRI 2)

SESI 2 - *ROLES OF UNIVERSITY'S ADMINISTRATORS* | 31 Julai 2025

The poster is for a session titled "ROLES OF UNIVERSITY'S ADMINISTRATORS" held on 31 JULY from 10 AM to 12 PM. It features the logo of Akademi Profesor Malaysia at the top center. Below the logo, the name and title of the speaker, EMERITUS PROFESSOR DATUK IR. DR. WAHID OMAR, are listed, along with his roles as Chairman of the Board of Directors of Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) and former Vice-Chancellor of Universiti Teknologi Malaysia (UTM). A circular portrait of the professor is on the right. The main title "ROLES OF UNIVERSITY'S ADMINISTRATORS" is in a red banner. Below this, there are two columns: "PROPOSED COURSE OUTLINES" and "LEARNING OUTCOMES". The course outlines include Academic Leadership, Governance, Administration, Academic and Research, Strategic Planning and Policy Development, Financial and Resource Management, and University in Society - Engagement, Innovation and Transformation. The learning outcomes are divided into three sections: demonstrating understanding of roles and ethical obligations, critically analyzing and applying strategic frameworks, and designing and proposing innovative administrative practices. Contact information for enquiries is provided at the bottom left, and a QR code is at the bottom center.

Akademi Profesor MALAYSIA

EMERITUS PROFESSOR DATUK IR. DR. WAHID OMAR
CHAIRMAN, BOARD OF DIRECTOR UNIVERSITI SULTAN AZLAN SHAH (USAS) &
FORMER VICE-CHANCELLOR OF UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

31 JULY
10 AM - 12 PM

ROLES OF UNIVERSITY'S ADMINISTRATORS

PROPOSED COURSE OUTLINES

- Academic Leadership
- Governance, Administration, Academic and Research
- Strategic Planning and Policy Development
- Financial and Resource Management
- University in Society - Engagement, Innovation and Transformation

LEARNING OUTCOMES

DEMONSTRATE AN IN-DEPTH UNDERSTANDING OF THE ROLES, RESPONSIBILITY, AND ETHICAL OBLIGATIONS OF UNIVERSITY ADMINISTRATORS in supporting academic excellence institutional governance and stakeholder engagement

CRITICALLY ANALYZE AND APPLY STRATEGIC, FINANCIAL AND POLICY FRAMEWORKS to improve decision-making, resource management and institutional sustainability within a university setting

DESIGN AND PROPOSE INNOVATIVE ADMINISTRATIVE PRACTICES that enhance academic leadership, support quality assurance, and strengthen the university's impact on society through engagement, research, and transformation initiatives.

For enquiry:
019-9711 701 / 011-2800 5741
akademiprofesor@gmail.com

REGISTER NOW

Sesi bertajuk "*Roles of University's Administrators*" telah disampaikan oleh **Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr. Wahid Omar**, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) merangkap bekas Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Sesi ini menekankan kepentingan peranan pentadbir universiti dalam menyokong kecemerlangan akademik, tadbir urus institusi dan penglibatan pihak berkepentingan.

Antara topik utama yang dibincangkan termasuk kepimpinan akademik, tadbir urus dan pentadbiran universiti, perancangan serta pembangunan akademik dan penyelidikan, pengurusan kewangan dan sumber, perancangan strategik dan pembangunan dasar, serta peranan universiti dalam masyarakat melalui penglibatan, inovasi dan transformasi.

Melalui sesi ini, peserta didedahkan kepada tanggungjawab dan amalan etika yang perlu diamalkan oleh pentadbir universiti bagi memperkukuh integriti, akauntabiliti dan keberkesanan institusi. Peserta juga digalakkan untuk menganalisis dan mengaplikasikan kerangka strategik, kewangan dan dasar bagi meningkatkan keupayaan membuat keputusan, pengurusan sumber dan kelestarian universiti.

Program

SIRI PENGUKUHAN TENAGA AKADEMIK (SIRI 2)

SESI 3 - *MANAGING HUMAN RESOURCES* | 7 Ogos 2025

The poster is for a session titled "MANAGING HUMAN RESOURCES" on 7 AUGUST, 10 AM - 12 PM. It features the logo of Akademi Profesor MALAYSIA at the top center. Below the logo, the name and title of the speaker, EMERITUS PROFESSOR DATO' DR. ABD AZIZ TAJUDDIN, are displayed, along with a circular portrait of him. The session is identified as FORMER VICE CHANCELLOR & PRESIDENT ALBUKHARY INTERNATIONAL UNIVERSITY. The poster is divided into three main sections: COURSE OUTLINES, LEARNING OUTCOMES, and WHO SHOULD ATTEND. The COURSE OUTLINES section lists six points: Intellectual talent in higher education – why is it important?, Recruitment, promotion and retention of talent, Cultivating and managing intellectual talents – a natural approach, Need for continuous education, Promotion criteria – a suggestion through experience, and Aligning annual assessment to promotion criteria. The LEARNING OUTCOMES section lists four points: Appreciate further the vital contributions of human talent to higher education, Put proper perspectives on human aspirations, Learn of possible way of wholistic approach to talent development, and Align annual assessment to promotion criteria till distinguished professor. The WHO SHOULD ATTEND section lists five groups: Vice-Chancellors and Deputy Vice-Chancellors, Deans, Deputy Deans, and Heads of Departments, Human Resource and Talent Development officers in universities, evaluation committees, Policy makers and officers from the Ministry of Higher Education and related agencies, and Academic strategists and planners in research and innovation divisions. At the bottom right, there is a QR code and contact information for enquiries.

AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

EMERITUS PROFESSOR DATO' DR. ABD AZIZ TAJUDDIN
FORMER VICE CHANCELLOR & PRESIDENT ALBUKHARY INTERNATIONAL UNIVERSITY

7 AUGUST
10 AM - 12 PM

MANAGING HUMAN RESOURCES

COURSE OUTLINES

- Intellectual talent in higher education – why is it important?
- Recruitment, promotion and retention of talent.
- Cultivating and managing intellectual talents – a natural approach.
- Need for continuous education.
- Promotion criteria – a suggestion through experience.
- Aligning annual assessment to promotion criteria.

LEARNING OUTCOMES

- Appreciate further the vital contributions of human talent to higher education.
- Put proper perspectives on human aspirations.
- Learn of possible way of wholistic approach to talent development.
- Align annual assessment to promotion criteria till distinguished professor.

WHO SHOULD ATTEND

- Vice-Chancellors and Deputy Vice-Chancellors
- Deans, Deputy Deans, and Heads of Departments
- Human Resource and Talent Development officers in universities, evaluation committees
- Policy makers and officers from the Ministry of Higher Education and related agencies
- Academic strategists and planners in research and innovation divisions

REGISTER NOW

For enquiry:
010-8991 161 / 011-2800 5761
akademiprofesor@gmail.com

Sesi bertajuk “*Managing Human Resources*” yang disampaikan oleh **Profesor Emeritus Dato’ Dr. Abd Aziz Tajuddin**, Bekas Naib Canselor & Presiden Universiti Antarabangsa Albukhary, memberi tumpuan kepada kepentingan pengurusan bakat intelektual dalam institusi pengajian tinggi sebagai faktor utama dalam mengekalkan kecemerlangan akademik dan daya saing institusi.

Antara aspek utama yang dibincangkan ialah kepentingan pengambilan, kenaikan pangkat dan pengekalan tenaga akademik berkualiti tinggi. Profesor Emeritus Dato’ Dr. Abd Aziz turut menekankan bahawa pengurusan bakat memerlukan pendekatan semula jadi dan holistik yang memberi ruang kepada pembangunan potensi individu secara menyeluruh. Selain itu, beliau turut menegaskan keperluan pendidikan berterusan dalam memastikan staf akademik kekal relevan dan berdaya saing dalam persekitaran pendidikan yang sentiasa berubah.

Beliau juga berkongsi pandangan berdasarkan pengalaman peribadi mengenai kriteria kenaikan pangkat serta mencadangkan agar penilaian tahunan diselaraskan dengan kriteria kenaikan pangkat bagi memastikan keadilan dan ketelusan dalam proses penilaian prestasi. Sesi ini secara keseluruhannya menekankan kepentingan strategi pengurusan sumber manusia yang efektif dalam memperkukuh budaya kecemerlangan dan profesionalisme di universiti.

Program

SIRI PENGUKUHAN TENAGA AKADEMIK (SIRI 2)

SESI 4 - *ELEVATING ACADEMIC REPUTATION* | 14 Ogos 2025

The poster features the Akademi Profesor Malaysia logo at the top center. Below it, the name and title of the speaker, Professor Dato' Ir. Ts. Dr. Mohamed Ibrahim Abdul Mutalib, are displayed, along with a circular portrait of him. To the left, a date box indicates '14 AUGUST' and '10 AM - 12 PM'. A red banner with the title 'ELEVATING ACADEMIC REPUTATION' is positioned below the speaker's name. At the bottom, a blue box titled 'LEARNING OUTCOMES' lists three bullet points, each preceded by a small icon of a person.

PROFESSOR DATO' IR. TS. DR. MOHAMED IBRAHIM ABDUL MUTALIB
PROVOST & CHIEF ACADEMIC OFFICER OF UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS

14 AUGUST
10 AM - 12 PM

ELEVATING ACADEMIC REPUTATION

LEARNING OUTCOMES

- Understand the Importance of Building the Reputation of Institute of Higher Learning (IHL) Learning Outcomes
 - Describe and build narrative on the importance of building IHL reputation.
- Understand and Differentiate the Various Approaches used for Global Ranking of IHLs Learning Outcomes
 - Understand and describe generally the Approaches and Methodologies used for ranking of IHLs.
 - Appreciates the Variation of the Ranking Methodologies thus highlights the limitations from it.
- Analysis of IHLs Ranking in Malaysia Learning Outcomes
 - Understand briefly the current situation of IHLs ranking in Malaysia.
 - Develop some basic strategies for IHL reputation enhancement deriving from case study of UTP.

Sesi bertajuk “*Elevating Academic Reputation*” yang disampaikan oleh **Profesor Dato’ Ir. Ts. Dr. Mohamed Ibrahim Abdul Mutalib** menekankan kepentingan membina reputasi institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai faktor utama dalam memastikan daya saing dan kebolehlihatan global universiti. Beliau menerangkan bahawa reputasi akademik bukan sahaja mencerminkan kualiti pengajaran dan penyelidikan, tetapi juga menjadi ukuran kepercayaan masyarakat terhadap keunggulan sesebuah institusi.

Dalam sesi ini, peserta diperkenalkan kepada pelbagai pendekatan dan metodologi yang digunakan dalam penarafan global universiti. Profesor Dato’ Ir. Ts. Dr. Mohamed Ibrahim turut menjelaskan perbezaan antara sistem-sistem penarafan antarabangsa seperti QS dan Times Higher Education (THE), serta menekankan bahawa setiap metodologi mempunyai kekuatan dan keterbatasan tersendiri. Kefahaman terhadap variasi ini penting bagi membolehkan IPT merancang strategi yang sesuai dengan konteks dan keupayaan masing-masing.

Beliau turut mengupas situasi semasa kedudukan IPT di Malaysia dalam penarafan global serta mengemukakan analisis terhadap cabaran yang dihadapi oleh universiti tempatan. Berdasarkan kajian kes Universiti Teknologi PETRONAS (UTP), beliau berkongsi beberapa strategi asas dalam memperkukuh reputasi akademik, termasuk pengukuhan penyelidikan berimpak tinggi, pengantarabangsaan, penglibatan industri serta pembangunan naratif institusi yang kukuh dan konsisten.

Program

KORPUS KESARJANAAN SAINS & MATEMATIK

Program STEM-Q: Ilmu & Hikmah | 13 September 2025 | AEON Nilai



Korpus Kesarjanaan Sains dan Matematik APM diketuai oleh Profesor Emeritus Dato' Dr. Mohamed Ridza Wahiddin, dengan kerjasama Pusat Tamhidi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), telah menganjurkan program STEM-Q: Ilmu & Hikmah iaitu sebuah pameran STEM interaktif yang sarat dengan aktiviti menyeronokkan dan mendidik.

Antara pengisian menarik termasuk aktiviti interaktif STEM, eksperimen sains mudah, kuiz dan permainan pendidikan, serta sesi perkongsian santai bersama ahli *Young Scientist Network* (YSN). Bidang yang diterokai merangkumi Matematik dan Sains Komputer, Fizik, Kimia, Biologi, serta Sains Naqli dan Aqli.



Program ini bertujuan memupuk minat terhadap STEM dengan pendekatan yang menarik, kreatif dan penuh inspirasi, sekaligus menyemai kefahaman tentang peranan ilmu dan hikmah dalam kemajuan sains dan teknologi.

Mesyuarat

Ahli Majlis Sesi 2023/2025

Mesyuarat Majlis Bil 11

17 Julai 2025 | 10 pagi | Zoom Meeting



Mesyuarat Majlis Bil10 Sesi 2023/2025 dipengerusikan oleh Profesor Dato' Seri Ir. Dr. Kamal Nasharuddin Mustapha, Timbalan Presiden APM dihadiri oleh sepuluh (10) Ahli Majlis. Mesyuarat ini membincangkan beberapa agenda seperti berikut:

Agenda:

- Mengesahkan Minit Mesyuarat Majlis Bil10 Sesi 2023/2025
- Laporan perkara berbangkit Mesyuarat Majlis Bil10 Sesi 2023/2025
- Laporan Bendahari & Laporan Kluster
- Persiapan Mesyuarat Agung Tahunan 2025 dan Konvensyen Akademia 2025

Mesyuarat Majlis Bil 12

18 September 2025 | 10 pagi | Zoom Meeting



Mesyuarat Majlis Bil12 Sesi 2023/2025 dipengerusikan oleh Presiden APM, Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman dihadiri oleh tujuh (7) Ahli Majlis. Mesyuarat ini membincangkan beberapa agenda seperti berikut:

Agenda:

- Persediaan Mesyuarat Agung Tahunan 2025 - Laporan Tahunan 2025
- Cadangan Pindaan Perlembagaan APM
- Kertas Regulasi Parti Politik

Mesyuarat Pengurusan Sesi 2023/2025

Mesyuarat Pengurusan Bil 19

6 Ogos 2025 | 10 pagi | Urbanhive, Conezion



Dalam gambar (dari kiri): Prof. Dr. Mohd Cairul Iqbal (SUA), Prof. Emeritus Dr. Jamal Othman (Presiden), Prof. Dato' Seri Ir. Dr. Kamal Nasharuddin Mustapha (Timbalan Presiden), Prof. Abdullah (Bendahari). Tiada di dalam gambar: Puan Naimah Isa (Pegawai Tadbir)

Mesyuarat Pengurusan Bil19 Akademi Profesor Malaysia (APM) sesi 2023/2025 dipengerusikan oleh Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, Presiden APM telah dihadiri oleh empat (4) orang ahli pengurusan, serta dua orang urus setia. Mesyuarat ini merupakan mesyuarat penyelarasan bagi mengemaskini beberapa perkara seperti agenda berikut:

Agenda:

- Mengesahkan minit Mesyuarat Pengurusan Bil18 Sesi 2023/2025
- Laporan Perkara Berbangkit Mesyuarat Pengurusan Bil18 Sesi 2023/2025
- Laporan Bendahari
- Mesyuarat Agung Tahunan dan Konvensyen Akademia 2025

Mesyuarat Pengurusan Bil 17

11 September 2025 | 9:00 pagi | Urbanhive, Conezion



Mesyuarat Pengurusan Bil17 sesi 2023/2025 dipengerusikan oleh Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, Presiden APM membincangkan beberapa perkara seperti agenda berikut:

Agenda:

- Laporan Perkara Berbangkit Mesyuarat Pengurusan Bil19 Sesi 2023/2025
- Laporan Bendahari - Laporan Kewangan 2024
- Persediaan Mesyuarat Agung 2025
- Semakan Perlembagaan APM
- Kertas Cadangan Akta dan Regulasi Parti Politik Malaysia

Program Wacana

Kluster Sains, Teknologi dan Inovasi (STI)

Masa Depan Bakat STI di Malaysia

4 September 2025 | 10 Pagi | Zoom Meeting



Dr. Lay Ah Nam

Ketua Penolong Pengarah
Unit Perancangan Pendidikan STEM,
Kementerian Pendidikan Malaysia

***"Tiada entiti khusus bagi
penyelarasan dan
perancangan bakat STEM
secara berpusat."***

Bagi menerapkan minat terhadap bidang STEM, National STEM Association (NSA) melaksanakan pelbagai aktiviti berimpak tinggi, antaranya *Mini Theatre STEM* yang menggalakkan pelajar menghasilkan inovasi asas melalui eksperimen makmal; *Mentor-Mentee* dan *Stream Ambassador* yang bertujuan menginspirasi lebih ramai pelajar memilih aliran sains; serta pembangunan *STEM Garden* di sekolah bagi memupuk kreativiti melalui aktiviti penanaman dan reka bentuk baja. Selain itu, *Southeast Asian STEM Teacher Education Program* turut dilaksanakan bagi melatih guru dengan kemahiran pedagogi STEM yang berkesan dan relevan dengan keperluan semasa pendidikan abad ke-21.

Pembangunan ekosistem STEM memerlukan pendekatan keseluruhan negara (*whole-of-nation approach*) bagi memastikan semua pihak bergerak seiring ke arah matlamat yang sama. Ia melibatkan penjajaran dasar, tadbir urus berkesan, serta perkongsian pintar dalam data, kewangan, kepakaran dan infrastruktur bagi memperkukuh pelaksanaan inisiatif STEM nasional. Pemerkasaan pendidikan STEM pula menuntut pembelajaran yang bermakna dan inklusif agar dapat diakses oleh semua murid, dengan tumpuan kepada kemahiran dan kompetensi yang diperlukan untuk menghadapi cabaran masa depan serta mengekalkan minat dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik.



Profesor Emerita Datuk Dr. Noraini Idris

Presiden,
Persatuan STEM Kebangsaan Malaysia

***"Semakin sedikit pelajar sekolah menengah
memilih aliran sains, sekali gus melemahkan
kelompok bakat masa depan negara dalam
bidang kritikal seperti kejuruteraan,
perubatan, bioteknologi dan teknologi
digital. Trend ini menghadkan keupayaan
Malaysia untuk bersaing dalam sektor
bernilai tinggi yang berasaskan
pengetahuan."***

Program Wacana

Kluster Sains, Teknologi dan Inovasi (STI)

Masa Depan Bakat STI di Malaysia

4 September 2025 | 10 Pagi | Zoom Meeting



Encik Nazrul Aziz

Group Chief Strategy Officer,
Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp)

“Objektif kajian ini adalah untuk memahami kesan perkembangan Kecerdasan Buatan (AI), Ekonomi Digital dan Ekonomi Hijau terhadap tenaga kerja di Malaysia. Ia bertujuan mengenal pasti set kemahiran baharu, program latihan yang relevan, serta strategi penyesuaian yang perlu dilaksanakan bagi memastikan tenaga kerja negara kekal berdaya saing dan mampu menyesuaikan diri dengan perubahan dinamik pasaran kerja masa hadapan.”

TalentCorp melalui kajian impak dalam tiga domain utama iaitu Kecerdasan Buatan (AI), Digital dan Teknologi Hijau terus memperkukuh pembangunan tenaga kerja masa depan negara. Platform MyMahir dibangunkan bagi melengkapkan rakyat Malaysia dengan pengetahuan dan kemahiran yang relevan untuk kekal berdaya saing dalam pasaran kerja yang pesat berubah. Melalui platform ini, pengguna dapat meneroka trend industri terkini, mengenal pasti peranan pekerjaan baharu, serta mengakses sumber pembelajaran bagi memenuhi keperluan ekonomi digital. Di bawah seliaan Majlis Bakat Kemahiran Masa Depan (*Future Skills Talent Council*, FSTC) yang dipimpin oleh TalentCorp dan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), inisiatif ini memainkan peranan strategik dalam menyesuaikan tenaga kerja Malaysia dengan kehendak pasaran global yang didorong oleh kemajuan teknologi, globalisasi dan perubahan sektor industri.


Penyertaan

Agenda AWANI: Menjelang RMK13: Apa Perlu Dirombak?

Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, Pengerusi Kluster Ekonomi, Pembangunan Wilayah dan Kesejahteraan Sosial, telah dijemput memberikan pandangan bagi segmen Agenda AWANI bertajuk “Menjelang RMK13 | Apa Perlu Dirombak?” yang bersiaran pada 2 Julai 2025, jam 8.30 malam di Astro Awani.



Perbincangan ini menumpukan kepada cabaran utama dalam memastikan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) kekal relevan dalam landskap global yang semakin kompleks, termasuk isu ketegangan geopolitik, perubahan iklim, serta ledakan teknologi baharu. Sesi ini turut membincangkan keperluan untuk merombak pendekatan dasar agar lebih responsif, inklusif dan mampan bagi menjamin kesejahteraan rakyat serta daya saing ekonomi negara.




Pautan untuk tontonan semula: <https://shorturl.at/nuHS0>

Penyertaan

Open Forum - Beyond GDP: Rethinking Economy & Wellbeing with GPI

Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, Pengerusi Kluster Ekonomi, Pembangunan Wilayah dan Kesejahteraan Sosial, telah dijemput sebagai panelis bagi program *Open Forum: Beyond GDP - Rethinking Economy & Wellbeing with GPI* yang bersiaran pada 28 September 2025, jam 9.00 malam di IKIM FM.



Pautan untuk tontonan semula: <https://shorturl.at/7cfvf>

Penyertaan

Dialog Poket Rakyat: RMK13: Mendepani Cabaran Kos Sara Hidup dan Kehidupan Bermaruah

Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, Pengerusi Kluster Ekonomi, Pembangunan Wilayah dan Kesejahteraan Sosial telah dijemput untuk berkongsi pandangan mengenai RMK13: Mendepani Cabaran Kos Sara Hidup dan Kehidupan Bermaruah secara langsung pada 29 Ogos 2025, di Astro Awani.



Segmen ini membincangkan persoalan penting mengenai bagaimana Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) dapat mendepani dan mengimbangi cabaran peningkatan kos sara hidup yang berterusan, sambil memastikan momentum pembangunan ekonomi negara terus diperkukuh.

Pautan untuk tontonan semula: <https://shorturl.at/ZZyA0>

Penyertaan

SPM Nadi Seri Pagi: Gempa Bumi : Antara Proses atau Bencana Alam


Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo, Ketua Kluster Alam Sekitar dan Kelestarian Akademi Profesor Malaysia (APM) yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia (UPM), telah dijemput sebagai tetamu dalam rancangan SPM Nadi Seri Pagi yang disiarkan pada 2 September 2025 di saluran RTM.



Dalam perkongsian ini beliau menghuraikan secara mendalam tentang fenomena gempa bumi dari sudut sains geologi, pemahaman terhadap proses semula jadi yang mencetuskan kejadian ini serta implikasinya terhadap keselamatan dan pembangunan lestari. Sesi ini turut menekankan kepentingan kesedaran awam dan kesiapsiagaan dalam menghadapi risiko bencana geologi di Malaysia.

Pautan untuk tontonan semula: <https://tinyurl.com/bdhp7zf>

Ucapan Tahniah



Ucapan Tahniah



Tahniah
**YBHG. DATO' SERI
IR. DR. ZAINI BIN
UJANG**
di atas pelantikan sebagai
**FELOW KEHORMAT
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA**



YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang, anak kelahiran Negeri Sembilan (lahir 3 Mac 1965), ialah jurutera profesional alam sekitar, pemimpin akademik dan pemikir yang disegani. Beliau merupakan Naib Canselor termuda universiti awam Malaysia pada usia 43 tahun, pernah digelar "Malaysian Water Icon" (NST, 2004) dan "environmental ideologue" (BERNAMA, 2006). Beliau berkelulusan Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (UTM), Sarjana Kejuruteraan Alam Sekitar (UTM) dan PhD Kejuruteraan Alam Sekitar dari University of Newcastle, UK.

Sumbangan beliau meliputi inisiatif berprofil tinggi seperti Pelan Induk Pemulihan Sungai Johor Bahru, Cleaner Production (CP), Indeks Prestasi Alam Sekitar Malaysia (EPI), Megascience Sektor Air, serta timbang tara isu air dengan Singapura. Di peringkat antarabangsa, beliau mengetuai penyelidikan air bawah tanah di Madinah, Arab Saudi, dan menjalin kerjasama dengan universiti terkemuka seperti Harvard, MIT, Cambridge, Oxford dan Imperial College. Atas jasa cemerlangnya, beliau menjadi penerima pertama Anugerah Merdeka (2009) bagi kategori Pencapaian Ulung Akademik dan kini menyandang jawatan Pengerusi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).



SEKALUNG
Tahniah
**YBHG. DATO' SERI IR. DR.
ZAINI BIN UJANG**
**FELOW KEHORMAT
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA**
atas pengiktirafan sebagai
**TOKOH
KEJURUTERAAN
NEGARA 2025**
oleh **LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA (LJM)**
tulus ikhlas daripada:
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA



 Akademi Profesor Malaysia

Poster Aktiviti & Program

ENHANCING ADMINISTRATIVE EXCELLENCE IN HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS

INSIGHT
A tailored training programme for university administrators to enhance leadership, governance, and strategic management excellence in higher education



SCAN TO REGISTER

JULY - AUGUST, 2025
10:00 AM - 12:00 PM

REGISTRATION FEE: RM150/SESSION

ZOOM MEETING



PROFESOR DATO' IR. DR. MOHD SALEH JAAFAR
Vice-Chancellor of Al-Bukhari International University
July 24
Understanding Act 555 & the Universities Act



PROFESOR EMERITUS DATUK IR. DR. WAHID OMAR
Former Vice-Chancellor of Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
July 31
The Roles of University Administrators



PROFESOR EMERITUS DATO' DR. ABDUL AZIZ TAJUDDIN
Former Vice-Chancellor of Al-Bukhari International University
Aug 7
Managing Human Resources



PROFESOR DATO' IR. TS. DR. MOHAMED IBRAHIM ABDUL MUTALIB
Provost Universiti Teknologi PETRONAS (UTP)
Aug 14
Elevating Academic Reputation

akademiprofesor@gmail.com | 019-9711 701 / 011-2800 5741

LIVE WEBINAR

Webinar: MASA DEPAN BAKAT SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI (STI) DI MALAYSIA



PANEL 1: Dr. Lay Ah Nam
Ketua Penolong Pengarah Unit Perancangan Pendidikan STEM Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)



PANEL 2: Profesor Emeritus Dato' Dr. Noraini Idris
Presiden Persatuan STEM Kebangsaan



PANEL 3: Encik Nazrul Aziz
Group Chief Strategy Officer, TalentCorp Malaysia, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)



MODERATOR: Profesor Emeritus Dato' Dr. Mohamed Ridza Wahiddin
Ketua Korpus Keselamatan Sains dan Matematik APM



KATA ALU-ALUAN: Profesor Dr. Nordin Yahaya
Pengerusi Kluster STI APM

Anjuran Kluster Sains, Teknologi & Inovasi APM

10:00pagi - 12:00thgari
4 September 2025 (Khamis)

zoom

IMBAS QR UNTUK MENDAFTAR:



Akademi Profesor Malaysia

011-28005741

akademiprofesor@gmail.com

Keahlian APM

Status pada 30 September 2025

Jumlah Ahli = 567 orang

- Fellow Kehormat = 9 orang
- Fellow = 83 orang
- Ahli = 277 orang
- Ahli Bersekutu = 198 orang

Bilangan Ahli Baharu (Julai - September 2025)

Kategori Keahlian	Julai 2025	Ogos 2025	September 2025	Jumlah Ahli Baharu
Ahli	2	2	4	10
Ahli Bersekutu	2	2	2	6
Jumlah Ahli Baharu				16

Borang Kemaskini Profil Ahli



bit.ly/3NymmGP

Takrifan & Akronim

Bil	Program
1.	Syarahan (Pusat) (ditakrifkan sebagai perkongsian ilmu oleh seorang pembicara dan dua orang pengulas)
2.	Wacana (Pusat dan Kluster) (ditakrifkan sebagai perbincangan bagi sesuatu topik oleh satu kumpulan pakar, 2-5 orang)
3.	Sidang Meja Bulat RTD (Pusat dan Kluster) (ditakrifkan sebagai perbincangan tertutup bagi sesuatu topik oleh satu kumpulan pakar bertujuan menghasilkan kertas putih berkaitan dasar)
4.	Persidangan (Pusat dan Domain Ilmu) (ditakrifkan sebagai perkongsian bidang keilmuan/kepakaran oleh lebih daripada 5 orang)
5.	Latihan (Pusat dan Domain Ilmu) (ditakrifkan sebagai program pembelajaran dan peningkatan keilmuan oleh kumpulan pakar menghasilkan masa CPD/Sijil)
6.	Jaringan (ditakrifkan sebagai kerjasama dengan pihak berkepentingan)
7.	Penerbitan
8.	Pentadbiran Organisasi

Bil	Nama Kluster	Akronim Kluster
1.	Alam Sekitar dan Kelestarian	ASK
2.	Pendidikan dan Pembangunan Insan	PPI
3.	Kesepaduan Sosial dan Perpaduan Nasional	KSPN
4.	Perubatan dan Kesihatan	PK
5.	Keselamatan dan Pertahanan	KP
6.	Sains, Teknologi dan Inovasi	STI
7.	Tenaga Boleh diPerbaharui	RE
8.	Pertanian dan Sekuriti Makanan	PSM
9.	Governans, Kepimpinan dan Hubungan Antarabangsa	GKHA
10.	Agama, Falsafah dan Ketamadunan	AFK
11.	Ekonomi, Pembangunan Wilayah dan Kesejahteraan Sosial	EPW

Sertai Kami

Sertai Kami di APM!



Akademi Profesor
MALAYSIA

Akademi Profesor Malaysia (APM) ditubuhkan pada tahun 2019 sebagai satu badan bukan kerajaan (NGO). Ia merupakan satu wadah Pemikir Negara yang menggembeng dan menyatu pemikiran strategik para profesor dan ilmunan bagi membangun masyarakat dan negara. Antara fungsinya termasuklah menjadi wadah pemikir negara dan pakar rujuk, melaksanakan penyelidikan yang bersifat *foresighting*, menganjurkan wacana bitara ilmiah, memajukan integriti akademik dan governans pendidikan negara, serta melaksanakan fungsi semak dan imbang.

Daftar Keahlian

1. Ahli Biasa: Profesor



<http://bit.do/mapmp>

2. Ahli Bersekutu: Profesor Madya



<http://bit.do/amapmp>

IKUTI KAMI DI:



Akademi Profesor Malaysia

HUBUNGI KAMI:



sua@akademiprofesor.org.my, akademiprofesor@gmail.com



011-28005741 (Pn. Nairmah Isa)

HUBUNGI KAMI

PERTUBUHAN AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

M-2-08, Conezion Commercial, Persiaran IRC 3,
IOI Resort City, 62502 Putrajaya.

Tel: +603-8685 4459

+6011 2800 5741

Emel1: sua@akademiprofesor.org.my

Emel2: akademiprofesor@gmail.com



Akademi Profesor
MALAYSIA



+601128005741



akademiprofesor.org.my



akademiprofesor@gmail.com



Akademi Profesor Malaysia